






KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU SDN BHD

(S.O.P.) BAGI PENGURUSAN TERHADAP  
SPESIS YANG JARANG DITEMUI DAN  
TERANCAM SERTA STATUS  
PEMULIHARAAN HABITAT



	KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU SDN BHD	No.Ruj	<b>KPKKT-PRP 6/PENGURUSAN/REF 02/2022</b>	
		Tarikh	17/01/2022	
	Prosedur	PROSES PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN TERHADAP SPESIS YANG JARANG DITEMUI DAN TERANCAM SERTA STATUS PEMULIHARAAN HABITAT		
	Tajuk	PROSEDUR OPERASI STANDARD (S.O.P.) BAGI PENGURUSAN TERHADAP SPESIS YANG JARANG DITEMUI DAN TERANCAM SERTA STATUS PEMULIHARAAN HABITAT		
	Disediakan Oleh :	<b>Ketua Jabatan Pematuhan &amp; Projek Khas</b>	<b>Disahkan Oleh, Pengurus Besar Kanan</b>	
	Tandatangan & Nama	 EN MUHAMMAD KHAIRUL ANUAR BIN MOHD ZAKI	 EN SUHAIRI BIN SULONG	

## 1. PERNYATAAN DASAR

Sebagai syarikat yang diamanahkan bagi menguruskan kawasan dan sumber Hutan Hujan Tropika (HHT) dalam Konsesi 'Dungun Timber Complex' & Cherul Forest Concession', adalah menjadi tanggungjawab dan matlamat KPKKT agar semua sumber-sumber ekonomi, biologi, fizikal, alam sekitar dan sosial yang terdapat di dalam DTC & CFC seberapa yang boleh, dipelihara dan dikekalkan sesuai dengan prinsip-prinsip yang termaktub di dalam amalan Pengurusan Hutan Mapan atau Sustainable Forest Management (SFM), berpandukan kepada Rancangan Pengurusan Hutan yang telah disediakan.

Ke arah ini semua keputusan, arahan dan tindakan yang dijalankan oleh KPKKT, kontraktor yang dilantik serta pekerja mereka adalah diuruskan ke arah memenuhi aspirasi dasar ini, serta dalam usaha memenuhi kepatuhan kepada prinsip dan kriteria pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) serta Malaysian Timber Certification Council (MTCC). Semua spesies flora dan fauna terutamanya dari jenis yang terancam hendaklah sentiasa di lindungi bagi memastikan kelangsungan populasi mereka dan pengekalan habitat, dengan cara mematuhi dengan sesungguhnya kepada SOP yang ditetapkan.

## 2. PENUBUHAN KAWASAN HCVA ATAU KAWASAN MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI

Kawasan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVA) ditakrifkan sebagai suatu kawasan hutan yang mempunyai nilai ekonomi, nilai persekitaran dan sosial, serta Kawasan hutan yang dianggap luar biasa atau sangat tinggi tahap kepentingan nilainya dan dikategorikan sebagai kawasan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK).

### 2.1. Penentuan HCVA adalah berdasarkan ciri-ciri seperti berikut:

- Kawasan-kawasan hutan yang mengandungi penumpuan nilai-nilai kepelbagaian biologi yang tinggi pada peringkat global, serantau atau nasional; dan/atau hutan-hutan pada peringkat lanskap yang besar, di dalamnya mengandungi unit pengurusan, dimana kebanyakan atau semua populasi yang mampu hidup sendiri

ditemui dalam bentuk semulajadi berdasarkan kepada penyebaran dan kuantitinya yang banyak.

- kepentingan flora merujuk kepada spesies flora dalam kategori sangat terancam (Critically Endangered dan endemik di Kawasan tertentu sahaja).
- kepentingan fauna yang mana satu atau lebih ciri-ciri kepentingan biologi yang istimewa seperti kubang badak, jenut semulajadi, Kawasan persinggahan burung hijrah, Kawasan bersarang burung enggang, dan guan bagi habitat kelawar.
- Kawasan-kawasan hutan yang mempunyai ekosistem yang jarang ditemui, terancam atau berada dalam keadaan bahaya berdasarkan kajian saintifik dan penulisan ilmiah.
- Kawasan-kawasan hutan yang menyediakan perkhidmatan asas semulajadi dalam situasi kritikal seperti kawalan hakisan dan jalur penampas penghalang kebakaran.
- Kawasan-kawasan hutan yang membekalkan keperluan asas masyarakat tempatan dan/atau secara kritikal kepada identiti budaya masyarakat tempatan seperti takungan air masyarakat kawasan yang mempunyai kepentingan kebudayaan, keagamaan dan tanah perkuburan.

### **3.0 SOP DAN GARIS TINDAKAN**

- a) Memelihara dan memulihara spesis yang jarang ditemui dan terancam.
- Mengenal pasti status ekosistem, habitat, spesis flora dan fauna yang hampir pupus, terancam, langka dan endemik yang terdapat di kawasan konsesi KPKKT.
  - Melaksanakan program pemeliharaan dan pemuliharaan spesis yang jarang ditemui dan terancam secara *in-situ* dan *ex-situ*.
  - Berkerjasama dengan agensi-agensis dan NGO berkaitan, serta pihak-pihak berkepentingan lain dalam urusan pengurusan, penyelidikan dan perlindungan hidupan serta habitat terancam.
  - Mengenal pasti dan melaksana langkah-langkah mitigasi dalam perancangan guna tanah di kawasan konsesi KPKKT bagi mengurangkan impak negatif terhadap spesis yang jarang ditemui dan terancam.
  - Mengawal kemasukan dan ancaman spesies invasif serta organisma yang diubahsuai secara genetik ke kawasan konsesi KPKKT.
  - Mengenal pasti, mewujudkan dan memelihara kawasan hutan yang berpotensi untuk dijadikan kawasan HCV.
- b) Meningkatkan pengetahuan dan memperkasa dokumentasi saintifik terhadap spesis yang jarang ditemui dan terancam serta status pemuliharaannya.
- Mendapatkan maklumat dan data dari aktiviti inventori Pre-F dan Post-F serta petak-petak penyelidikan di dalam DTC & CFC
  - Mendapatkan maklumat daripada komuniti tempatan: penduduk-penduduk sekitar KETENGAH, FELDA, RISDA dan Ladang Rakyat, orang kampung, Orang Asli

- Memantapkan pangkalan data dan dokumentasi diperingkat pengurusan KPKKT melalui rujukan daripada pihak yang lebih pakar seperti jabatan PERHILITAN dan JPNT, organisasi / NGOs seperti FRIM, MNS, WWF-Malaysia.
- Mewujud dan memperkasa kumpulan pakar dalam bidang kepelbagaian biologi hutan dikalangan kakitangan KPKKT serta khidmat atau penglibatan pihak luar yang dikenalpasti.
- Meningkatkan perkongsian data dan maklumat dengan pihak-pihak berkepentingan seperti jabatan PERHILITAN dan JPNT.
- Sentiasa menggunakan maklumat-maklumat berkaitan spesies yang jarang ditemui dan terancam bagi menambahbaik pengurusan hutan di DTC dan CFC.
- Memastikan maklumat atau senarai spesies yang jarang ditemui dan terancam sentiasa berada di papan notis kawasan kongsi yang sedang beroperasi.
- Memastikan bahawa SOP bagi Pengurusan Terhadap Spesies Yang Jarang Ditemui Dan Terancam Serta Status Pemuliharaan Habitat disampaikan dan dilaksanakan dengan berterusan kepada kontraktor, pekerja lapangan dan pekerja KPKKT.

SPESIS TERANCAM	HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK)	DAERAH	CIRI-CIRI
<i>Neobalanocarpus heimii</i> (Chengal Besar)	Kompt. 5, HS Pasir Raja Luas (ha) : 4.0	Terengganu Selatan	Direkodkan sebagai Pokok Chengal terbesar di Semenanjung Malaysia.
<i>Johannesteijsmannia altifrons</i> (Pokok Sal)	Kompt. 34, HS Jerangau Luas (ha) : 4.0	Terengganu Barat	Kawasan yang mempunyai taburan pokok sal yang unik dan perlu dilindungi.
<i>Dipterocarpus sarawakensis</i> (Keruing Layang)	Kompt. 31, HS Jerangau Luas (ha) : 63.0	Terengganu Barat	Kawasan ini mengandungi spesies pokok Keruing Layang yang merupakan spesies Critically Endangered (CR)